

**Batu Puteh: Kabinet mahu Peguam Negara buat rundingan semula dengan Singapura – Anwar Astro Awani
14 Disember 2022
Firdaus Azil**

PUTRAJAYA: Kabinet telah bersetuju agar isu tuntutan Batu Puteh dikaji semula, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Salam satu sidang media hari di Bangunan Perdana Putra hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau telah mengarahkan Peguam Negara Tan Sri Idrus Harun untuk rundingan segera dengan Singapura.

Bagaimanapun beliau berkata, rundingan itu perlu dijalankan dengan lebih bermakna supaya tidak timbul sebarang masalah berhubung isu hubungan antara kedua-dua negara.

“Kita minta Peguam Negara untuk memberi penjelasan tentang kontroversi tuntutan Pulau Batu Puteh yang sekarang telah dipindahkan ke Singapura oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), dan beberapa kesan sampingan.

“Kita juga akan minta diteliti semula supaya ada rundingan yang lebih bermakna segera dengan Singapura, supaya tidak ada apa-apa masalah berbangkit dari sudut hubungan dua negara sahabat ini,” katanya lagi.

Pada 13 Oktober lepas, media melaporkan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa jemaah menteri telah bersetuju untuk Malaysia meneruskan tindakan perundangan di ICJ, berkaitan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Keputusan itu dicapai setelah mendengar laporan pembentangan dan cadangan daripada Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada 7 Oktober lepas.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, mesyuarat Kabinet hari ini juga membincangkan beberapa hal tertangguh termasuk laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji.

Beliau berkata bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Raus Sharif yang juga pengerusi RCI itu telah memberi taklimat dengan apa yang berlaku di Tabung Haji, serta cadangan untuk memperbaiki pengurusan institusi kewangan Islam itu.

Bernama sebelum ini melaporkan RCI ditubuhkan pada Julai tahun lepas di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) bagi menyiasat isu berbangkit mengenai pengurusan dan operasi TH.

Penubuhan itu bagi membolehkan siasatan lanjut dapat dibuat terhadap perkara berbangkit dan perakuan sewajarnya dapat dikemukakan kepada kerajaan bagi memulihkan imej serta keyakinan rakyat terhadap kewibawaan TH.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batu-puteh-kabinet-mahu-peguam-negara-buat-rundingan-semula-dengan-singapura-anwar-396789>